



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


3 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 675 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 219,566 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Keningau, Nabawan, Kota Marudu dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 436 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 208,572 orang. Manakala 1,848 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 736 orang di hospital, 1,094 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 80 orang merangkumi 76 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 88 (40.37%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna berubah dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sekali lagi berlaku peningkatan tinggi dalam kes harian bagi negeri Sabah, iaitu pertambahan (+126) kes berbanding semalam, menjadikan jumlah keseluruhan hari ini sebanyak (675) kes.
- b. Sebanyak 18 daerah mencatatkan peningkatan, dengan 10 daerah mencatatkan peningkatan ketara, Ranau (+34) kes, Kota Kinabalu (+26) kes, Tuaran (+15) kes, Kinabatangan (+15) kes, Sandakan (+13) kes, Keningau (+13) kes, Sipitang (+13) kes, Kota Marudu (+12) kes, Papar (+12) kes dan Putatan (+10) kes.
- c. Sebanyak sembilan (9) daerah lagi mencatatkan penurunan namun hanya dua (2) daerah yang menunjukkan penurunan signifikan iaitu Tawau (-23) kes dan Kudat (-18) kes.
- d. Pada hari ini juga terdapat dua (2) kluster baru yang direkodkan iaitu Kluster Sawit Jati di Kinabatangan yang setakat ini telah menjangkiti 25 orang dengan 22 adalah kes baharu pada hari ini. Satu lagi kluster baru ialah Kluster Tumbalang di Ranau yang setakat ini telah menjangkiti 56 orang dan dua (2) daripadanya adalah kes baharu pada hari ini.
- e. Saringan Bergejala kekal tinggi pada hari ini dengan (258) kes atau 38.2% daripada kes keseluruhan. Kes yang sinonim dengan kes-kes sporadik ini seringkali dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP yang telah digariskan.
- f. Daripada (675) kes hari ini, (442) kes atau 65.48% adalah kes-kes yang berlaku dan didaftarkan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes yang didaftar lewat 2 hari atau lebih selepas keputusan saringan diketahui.
- g. Kes-kes jangkitan yang dianggap serius kekal rendah. Jumlah kes dalam Kategori 3, empat (4) orang, Kategori 4, empat (4) orang dan Kategori 5, satu (1) orang. Kebanyakan kes jangkitan adalah dalam Kategori 2, iaitu 550 orang (81.5%) dan Kategori 1, 109 orang (16.2%). Tujuh (7) kes lagi masih dalam siasatan JKNS.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (343) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	24	3.56%
2	Bergejala	258	38.22%
3	Kontak	343	50.81%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	50	7.40%
JUMLAH		675	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (02 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 02/11/2021	Catatan Kes 03/11/2021	Perbandingan
1	Ranau	26	60	+34
2	Kota Kinabalu	63	89	+26
3	Tuaran	20	35	+15
4	Kinabatangan	17	32	+15
5	Sandakan	18	31	+13
6	Keningau	14	27	+13
7	Sipitang	4	17	+13
8	Kota Marudu	44	56	+12
9	Papar	13	25	+12
10	Putatan	4	14	+10
11	Telupid	6	14	+8
12	Kota Belud	58	65	+7
13	Penampang	24	30	+6
14	Kunak	2	5	+3
15	Semporna	2	5	+3
16	Tongod	0	3	+3
17	Nabawan	6	8	+2
18	Kalabakan	0	1	+1
19	Tawau	27	4	-23
20	Kudat	36	18	-18
21	Beaufort	52	45	-7
22	Tenom	32	25	-7
23	Tambunan	19	15	-4
24	Beluran	12	8	-4
25	Kuala Penyu	9	5	-4
26	Lahad Datu	21	19	-2
27	Pitas	20	19	-1
JUMLAH		549	675	+126

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (20 Oktober – 02 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	51	29	0	9	89	812
Kota Belud	0	36	23	0	6	65	720
Ranau	2	33	19	0	6	60	625
Kota Marudu	0	25	26	0	5	56	533
Beaufort	0	21	23	0	1	45	544
Tuaran	0	21	12	0	2	35	399
Kinabatangan	22	8	1	0	1	32	289
Sandakan	0	19	7	0	5	31	192
Penampang	0	14	15	0	1	30	304
Keningau	0	11	16	0	0	27	379
Papar	0	14	10	0	1	25	309
Tenom	0	16	9	0	0	25	412
Lahad Datu	0	8	9	0	2	19	280
Pitas	0	7	12	0	0	19	215
Kudat	0	6	11	0	1	18	331
Sipitang	0	10	5	0	2	17	179
Tambunan	0	12	2	0	1	15	270
Telupid	0	8	5	0	1	14	121
Putatan	0	2	11	0	1	14	162
Nabawan	0	6	2	0	0	8	69
Beluran	0	3	4	0	1	8	172
Kuala Penyu	0	3	2	0	0	5	64
Semporna	0	4	0	0	1	5	42
Kunak	0	3	1	0	1	5	43
Tawau	0	1	2	0	1	4	205
Tongod	0	0	2	0	1	3	47
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	15
JUMLAH	24	343	258	0	50	675	7,733

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Tumbalang	2
Kinabatangan	Kluster Sawit Jati	22
	Jumlah	24

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Sawit Jati, Kinabatangan** merupakan kluster jenis komuniti. Kes indeks adalah lelaki warganegara Indonesia, 47, bekerja di sebuah ladang kelapa sawit (gatekeeper) di dalam Daerah Kinabatangan. Kes indeks yang mula bergejala sesak nafas dan demam sejak 20 Oktober 2021, disahkan positif RTK AG dengan grading 100% pada 21 Oktober 2021 oleh Klinik Swasta Mabello Paris, Kinabatangan dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan lanjut. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati seramai 25 kontak sosial, pekerja dan tanggungan turut positif COVID-19. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

- ii **Kluster Tumbalang - Ranau** adalah kluster jenis komuniti yang dikesan di Daerah Ranau pada 23 Oktober 2021. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 37, bekerja sebagai pemandu kereta sapu. Kes indeks juga disahkan positif COVID-19 di Hospital Ranau selepas bergejala sejak 19 Oktober 2021 dengan keputusan positif grading 87%. Saringan kontak rapat yang dilakukan pada 25 Oktober sehingga 1 November 2021 mendapati seramai 54 orang daripada lokaliti yang sama dikesan positif RTK AG. Pada 03 November 2021, terdapat tambahan sebanyak dua (2) orang lagi penduduk daripada Kg Tumbalang turut dikesan positif RT-PCR melalui saringan kontak rapat di klinik Timbua, menjadikan keseluruhan kes adalah sebanyak 56 kes.
- 7 Jumlah kapasiti katil 6,101 unit
- Hospital 1,824 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,807 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.29%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	668
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
Jumlah	675

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	640
Bukan Malaysia	35
Jumlah	675

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	144
Belum Menerima Vaksin	92
Menerima 1 Dos	7
Lengkap 2 Dos	432
Jumlah	675

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	13
1 to 5	56
6 to 11	75
12 to 17	30
18 to 25	96
26 to 59	341
>60	64
Jumlah	675

C SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3 KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK PERAYAAN DEEPAVALI PADA 04 NOVEMBER 2021

SOP rumah ibadat bukan Islam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3 kemudahan penerima lengkap divaksin untuk perayaan Deepavali pada 04 November 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,608 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,209 orang adalah penduduk dewasa dan 2,399 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 1 November 2021 adalah seramai 2,427,352 orang. Ini meliputi 2,097,990 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.06% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,340,489 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,058,333 orang atau 74.62% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 329,362 orang atau 75.89% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 282,156 atau 65.01% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **669,240** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,872 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 132 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,074 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 276 premis perniagaan dan 382 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Bubble Gum Wax Sabah, Lintas Plaza (2 Orang), Evergreen Colour Photo Centre, Lintas Plaza (2 Orang), BBS Kota Kinabalu, Lintas Plaza (1 Orang) dan Ji Drink & Food, Api-Api (2 Orang). Kesalahan individu tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Kelab Tamparuli Sabah, Lintas Plaza (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 371 Premis Perniagaan melibatkan 205 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 100 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 190 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **98%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98.5%
2	Keningau	98.5%
3	Papar	98.5%
4	Kota Kinabalu	98.5%
5	Sandakan	98.5%
6	Kudat	98.5%
7	Tuaran	98%
8	Kunak	98%
9	Beaufort	98%
10	Lahad Datu	98%
11	Kinabatangan	98%
12	Tawau	98%
13	Ranau	98%
14	Kota Belud	97.5%
15	Semporna	97.5%
16	Sipitang	97.5%
17	Penampang	97.5%
18	Beluran	97.5%
19	Tenom	97.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT				
SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3) KEMUDAHAN PENERIMA LENGPAP DIVAKSIN UNTUK PERAYAAN DEEPAVALI PADA 04/11/2021				
AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat Bukan Islam sebelum upacara sembahyang.	6 pagi - 10 malam 50% kapasiti ruang rumah ibadat bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran untuk penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan penganut yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan memasuki ruang Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>Disinfeksi permukaan yang kerap disentuh dan peralatan sembahyang perlu dilakukan</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan memastikan jarak dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan penganut DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri</p> <p>Pemasangan khemah hanya di halaman Rumah Ibadat sahaja</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit selepas setiap sesi sembahyang</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin.</p>	<p>Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan hendaklah memastikan penganut telah lengkap divaksin dengan membenarkan kanak-kanak mereka hadir di Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan dan sanitasi rumah ibadat selama 30 minit selepas setiap sesi sembahyang.</p>	<p>Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul atau berhimpun di luar Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang belum lengkap divaksin memasuki ruang Rumah Ibadat Bukan Islam kecuali kanak-kanak yang mana ibu bapanya telah lengkap divaksin</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara atau perarakan keagamaan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.</p>

Tarikh dikemaskini: 03 November 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK PERAYAAN DEEPAVALI PADA 04/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan semasa berada di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam.	6 pagi - 10 malam 50% kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang.	Pematuhan SOP diwajibkan Penganut diwajibkan mengikut ketetapan tempat sembahyang yang disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Upacara atau perarakan keagamaan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 03 November 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK PERAYAAN DEEPAVALI PADA 04/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam	6 pagi - 10 malam 50% kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut penjarakan fizikal Petugas rumah ibadat perlu memastikan penganut telah beredara selepas sembahyang Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebaik sahaja acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi sebelum sesi sembahyang seterusnya Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>).	Pematuhan SOP diwajibkan. Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai dalam keadaan tertib.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul, berhimpun, bersalaman, berpelukan dan bersempang di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Petugas memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam.

Tarikh dikemaskini: 03 November 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN PADA 04/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI Aktiviti Umum	04 November 2021	<p>Bazaar jualan Deepavali dibenarkan tertakluk kepada kelulusan dan kawalan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Pihak Berkuasa Tempatan</p> <p>Aktiviti ziarah keluarga dan merentas negeri adalah dibenarkan untuk penerima lengkap divaksin tertakluk kepada penjarakan fizikal 1 meter dan juga pematuhan SOP Negeri Sabah</p> <p>Aktiviti ziarah kubur adalah dibenarkan tertakluk kepada SOP Pengurusan Pengebumian Bukan Islam sedia ada dalam tempoh PPN Fasa 3</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran orang awam</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air.</p>	<p>Perarakan</p> <p>Orang awam yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Orang awam yang tidak lengkap divaksin atau langsung belum divaksin.</p>

Tarikh dikemaskini: 03 November 2021